

Laporan Tahunan 2013



KANDUNGAN

	Mukasurat
1.0 PROFIL KORPORAT	
1.1 Visi dan Misi	4
1.2 Objektif Korporat	5
2.0 MAKLUMAT KORPORAT	
2.1 Perutusan Pengerusi	6
2.2 Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif	11
2.3 Ahli Lembaga Pengarah	14
2.4 Jawatankuasa di Bawah Lembaga Pengarah	16
2.5 Struktur Korporat	18
2.6 Barisan Pengurusan Tertinggi	20
3.0 LAPORAN PRESTASI	
3.1 Perladangan	22
3.2 Perkilangan	32
3.3 Pembangunan Hartanah	34
3.4 Pendidikan dan Latihan	36
3.5 Hal Ehwal Peserta	40
3.6 Tanggungjawab Korporat dan Sosial	44
3.7 Kepelbagaian Aktiviti Perniagaan	56
3.8 Kewangan	58
4.0 DIARI KORPORAT 2013	66
5.0 KERATAN AKHBAR DAN LAPORAN MEDIA	76
6.0 SENARAI ANUGERAH DAN PENCAPAIAN FELCRA	82

VISI

Menjadi syarikat sosio-komersil yang berjaya dan mampan serta memberi tumpuan kepada perniagaan berdaya maju dan aktiviti tanggungjawab korporat yang terurus.

MISI

1. Keuntungan

- Memaksimumkan keuntungan melalui perniagaan yang berdaya maju yang memberikan pulangan pelaburan positif.
- Mengenal pasti serta memberi tumpuan kepada perniagaan baru dan peluang yang besar.

2. Tanggungjawab Sosial

- Melaksanakan projek tanggungjawab sosial yang berdaya maju dan berimpak tinggi.
- Memberi tumpuan kepada integrasi peserta menerusi pertambahan dividen dan ekuiti.

3. Penggerak Infrastruktur

- Memupuk budaya prestasi cemerlang.
- Mempraktikkan perniagaan melalui teknologi yang telah terbukti dan piawaian amalan terbaik.
- Mengamalkan pengurusan risiko dan tadbir urus terbaik.

4. Pengembangan dalam Pasaran

- Meningkatkan pegangan pasaran dan pengiktirafan jenama.

OBJEKTIF KORPORAT

- Memberi nilai pulangan yang tinggi dari ladang-ladang yang dibangunkan.
- Meningkatkan kualiti hidup kumpulan sasar iaitu komuniti peserta dan staf.
- Meningkatkan tahap produktiviti melalui teknologi dan kecekapan pengurusan terkini.
- Meningkatkan ekonomi nilai tambah syarikat.

Objektif korporat yang digariskan berupaya meletakkan FELCRA Berhad di landasan tepat untuk menjadi agensi pembangunan yang bersifat global dan berdaya saing tanpa mengabaikan matlamat penubuhannya.



PERUTUSAN PENGERUSI



“Walaupun telah mencapai status syarikat korporat kerajaan, namun tanggungjawab sosial terhadap komuniti peserta dan penduduk luar bandar tetap diteruskan.”

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN SALAM 1 MALAYSIA

Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT di atas rahmat dan nikmat-Nya serta limpahan kebahagiaan bersama keluarga, sanak-saudara dan masyarakat seluruhnya.

Kini, setelah hampir 17 tahun, FELCRA Berhad yang telah diperbadankan pada 1 September 1997 berjaya melaksanakan fungsinya dengan berkesan. Agensi ini yang dahulunya dikenali sebagai Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA) yang ditubuhkan di dalam Rancangan Malaysia Pertama telah memainkan peranannya di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) sebagai peneraju bagi meningkatkan taraf hidup dan sosio ekonomi penduduk luar bandar terutama kepada para pesertanya.

Tahun 2013 adalah tahun yang penuh dengan cabaran. Kita berhadapan dengan keadaan ekonomi dunia yang masih suram dan harga komoditi yang tidak menentu. Walau bagaimanapun, berbekalkan pengalaman yang dimiliki, FELCRA Berhad berjaya bertindakbalas secara positif dan akhirnya dapat memberikan pulangan yang memberangsangkan kepada pemegang saham.

PERANCANGAN STRATEGIK FELCRA BERHAD

Dalam merealisasikan perancangan strategik yang disusun, beberapa perubahan telah dibuat dari semasa ke semasa bagi meletakkan organisasi ini berada di tahap daya saing yang tinggi, terutamanya di peringkat global. FELCRA Berhad mengatur strategi mengikut acuannya sendiri dalam menghadapi cabaran persaingan ekonomi global yang didorong oleh kerancakan pelbagai perniagaan yang pesat, sejajar dengan penggunaan teknologi masa kini. Seluruh kumpulan FELCRA Berhad telah digesa bersatu bagi memenuhi aspirasi kepimpinan Lembaga Pengarah FELCRA Berhad iaitu:-

- Meningkatkan margin keuntungan operasi semua kilang dan meningkatkan kecekapan pengeluaran setanding dengan pasaran;
- Mencapai pulangan atas aset (*Return On Asset*) setanding dengan pasaran dan pulangan ekuiti (*Return On Equity*) bagi menarik para pelabur;
- Memenuhi kecekapan pengurusan dari segi kewangan, kawalan dalaman dan tadbir urus korporat;
- Mempelbagaikan aktiviti perniagaan semasa bagi mengimbangi turun naik harga komoditi seiring dengan tanggungjawab sosial korporat;
- Memacu warga peserta dan FELCRA Berhad ke arah pengkomersilan termasuk program penanaman semula yang cekap dan penyelenggaraan tanah ladang yang berkesan.

PERKEMBANGAN FELCRA BERHAD

Berbekalkan pengalaman di dalam bidang pengurusan ladang dan aktiviti-aktiviti teras, FELCRA Berhad kini sedang berusaha mempelbagaikan bidang perniagaannya. Justeru itu, FELCRA Berhad berhasrat untuk menjadi sebuah konglomerat yang berjaya di samping mencipta sektor luar bandar yang lebih dinamik, menarik dan menguntungkan selaras dengan strategi operasi berimbang di antara program berorientasikan keuntungan yakni aktiviti hulu dan hiliran serta program tanggungjawab sosial.

Menerusi inisiatif dan perancangan FELCRA Berhad, diyakini kualiti kehidupan warga FELCRA Berhad - staf dan pesertanya akan mengalami anjakan paradigma dan transformasi yang bersepadu ke arah mewujudkan komuniti yang lebih berdaya saing, dinamik dan sejahtera. Untuk mencapai status sebuah syarikat konglomerat yang

berjaya selari dengan matlamat jangka panjang, FELCRA Berhad perlu mengorak langkah menyusun strategi ke arah matlamat tersebut.

Dua strategi perniagaan telah diperkenalkan iaitu pengukuhan dan pembesaran aktiviti perniagaan dengan mengutamakan kepentingan 'stakeholder' dan mempelbagaikan aktiviti perniagaan. Ini berupaya memastikan transformasi FELCRA Berhad yang dirangka berjaya dilaksanakan.

POTENSI TAHUN 2014

Tahun 2014 akan melihat FELCRA Berhad mengorak langkah lebih luas dengan mengeksploitasikan kepakaran sedia ada di dalam bidang perladangan, penternakan, menyusuri industri hiliran sawit dan getah serta memperkukuhkan nilai hartanah sedia ada.

FELCRA Berhad akan memberi fokus kepada perniagaan strategik perladangan getah di luar negara seperti di Kemboja, pengeluaran makanan seperti penternakan lembu di Malaysia dan Australia serta potensi industri hiliran sawit dan getah.

Pembangunan hartanah di Jalan Semarak, Kuala Lumpur dan Gombak, Selangor akan memberi impak yang signifikan kepada keupayaan dalam industri hartanah dan perolehan FELCRA Berhad.

Perniagaan baja yang menjadi sektor sokongan dalam industri perladangan mempunyai potensi besar dan akan turut diperluaskan melalui kerjasama penubuhan hab baja yang sedang dirancang.

Bagi merealisasikan hasrat ini, beberapa perjanjian persefahaman dan usaha sama dengan syarikat tempatan serta luar negara akan dimeterai.

HARAPAN DAN PENGHARGAAN

Dengan penuh takzim, sekali lagi saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah, penghargaan dan terima kasih di atas sokongan dan kerjasama yang telah diberikan oleh Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Ketua Pegawai Eksekutif dan pengurusan, serta komuniti peserta kerana membolehkan FELCRA Berhad melaksanakan dan menjalankan tanggungjawabnya dengan cekap dan berkesan.

DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN

Pengerusi



Penguatan dan pembesaran aktiviti perniagaan adalah dua strategi utama yang diperkenalkan di tahun 2014 dengan mengutamakan kepentingan 'stakeholder' dan mempelbagaikan aktiviti perniagaan. Ini berupaya memastikan transformasi FELCRA Berhad yang dirangka berjaya dilaksanakan.

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



Tahun 2013 menyaksikan FELCRA Berhad melakukan penstrukturan semula pengurusan, memperluaskan penerokaan perniagaannya dan memperkasa modal insan untuk melahirkan generasi pewaris FELCRA Berhad.

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN SALAM 1 MALAYSIA

Tahun 2013 mencatatkan penurunan harga komoditi sawit dan getah kesan daripada ekonomi global yang tidak memberangsangkan akibat krisis hutang yang dialami oleh kebanyakan negara Eropah.

Walau bagaimanapun, penurunan harga ini tidak merencatkan prestasi kewangan FELCRA Berhad untuk terus memenuhi tanggungjawab sosialnya terhadap masyarakat peserta dan penduduk luar bandar, seiring dengan perjanjian pengkorporatannya dengan kerajaan di mana operasi syarikat adalah berasaskan kepada pendekatan berimbang di antara program tanggungjawab sosial dengan program perniagaan berasaskan keuntungan.

Tahun ini juga menyaksikan FELCRA Berhad melakukan penstrukturan semula pengurusan, memperluaskan penerokaan perniagaannya dan memperkasakan modal insan untuk melahirkan generasi pewaris FELCRA Berhad. Modal insan yang kompeten dan komited perlu dihasilkan bagi menggalas tanggungjawab bersama dalam memastikan visi dan misi syarikat tercapai.

PEMERKASAAN MODAL INSAN

Sesebuah organisasi memerlukan satu pasukan pengurusan dan profesional yang memiliki daya kepimpinan untuk merealisasikan visi syarikat, iaitu menjadi sebuah syarikat konglomerat yang berjaya. Kata seorang penulis Barat, *Anthony D' Angelo*, "You don't have to hold a position in order to be a leader." Melalui kata-kata beliau ini, dapat saya katakan bahawa setiap warga kerja FELCRA Berhad adalah pemimpin yang akan bersama-sama mendaki puncak bagi menggapai kejayaan yang akan membawa FELCRA Berhad terkenal di mata dunia.

Sejajar dengan itu, seramai 40 orang Pegawai Kanan telah menghadiri kursus *Management Development Programme* di *Asian Institute*

of Management (AIM), *Makati City*, Filipina bagi meningkatkan profesionalisme di dalam pengurusan.

PENEROKAAN BIDANG PERNIAGAAN BAHARU

Bagi mengimbangi impak kejatuhan harga komoditi, kebergantungan FELCRA Berhad terhadap sektor perladangan akan dipelbagaikan melalui sektor perniagaan yang baharu seperti hartanah, ternakan, pendidikan dan pelaburan tanpa mengabaikan tanggungjawab sosialnya. Pembangunan hartanah dijangka akan menyumbang antara 10 hingga 20 peratus kepada perolehan syarikat dalam tempoh tiga hingga empat tahun akan datang.

Tahun 2013 memperlihatkan FELCRA Berhad memperluaskan pelaburannya ke luar negara bermula dengan kajian keberkesanan tanah di Kemboja. FELCRA Berhad perlu terus berkembang memandangkan tanggungjawab syarikat kini lebih besar dengan peningkatan jumlah peserta dan warga kerjanya.

PENGHARGAAN

Kekuatan FELCRA Berhad terletak pada sumbangan yang diberikan oleh pasukan pengurusan dan staf serta sokongan yang diberikan oleh pihak-pihak yang berkepentingan.

Bagi pihak Pengurusan, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Ahli Lembaga Pengarah dan pelbagai agensi Kerajaan terutamanya Kementerian Kewangan serta Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah di atas sumbangan dan kerjasama yang telah diberikan sepanjang tahun ini.

DATO' RAMLEE BIN ABU BAKAR
Ketua Pegawai Eksekutif

AHLI LEMBAGA PENGARAH




Dari arah kiri ke kanan

1. Datuk Bung Moktar Bin Radin
2. Dato' Dr. Mohmad Isa Bin Hussain
3. Datuk Seri Ibrahim Bin Muhamad
4. Dato' Abdul Manan Bin Ismail
5. Dato' Ir. Haji Azizuddin Bin Meor Hamzah
6. Dato' Paduka Haji Ghazali Bin Haji Ibrahim

Dari arah kiri ke kanan

7. Dato' Haji A. Aziz Bin Deraman
8. Dato' Haji Abdul Fattah Bin Haji Abdullah
9. Encik Azaman @ Azman Bin Haji Ruslan
10. Datuk Haji Baharum Bin Haji Mohamed
11. Dato' Ismail Bin Kasim
12. Dato' Ramlee Bin Abu Bakar
13. Tuan Haji Adnan Bin Yusof (*Setiausaha Syarikat*)

JAWATANKUASA DI BAWAH LEMBAGA PENGARAH



Lembaga Pengarah FELCRA Berhad sentiasa memastikan tadbir urus syarikat dilaksanakan secara teratur dan beroperasi dalam persekitaran korporat yang sesuai dengan mengambil kira perubahan dan perkembangan semasa dalam iklim perniagaan yang pesat untuk menjaga serta melindungi kepentingan pemegang saham, peserta dan staf.

Prinsip dan amalan sedia ada sentiasa disemak dan dikaji semula secara berkala supaya dapat diterima pakai dalam tadbir urus korporat yang menggalakkan ketelusan dan kebertanggungjawaban di setiap peringkat penyediaan dasar dan pelaksanaan.

Sebanyak lima (5) jawatankuasa telah ditubuhkan oleh Lembaga Pengarah FELCRA Berhad bagi melaksanakan peranan dan operasi dengan lebih berkesan di samping mempertingkatkan pencapaian syarikat secara efisien berdasarkan skop dan bidang tugas yang ditetapkan.



JAWATANKUASA

SKOP DAN BIDANG TUGAS

Jawatankuasa Audit	Membantu Lembaga Pengarah dalam mengekalkan kawalan yang mencukupi untuk menyokong pencapaian dan objektif syarikat.
Jawatankuasa Lembaga Perolehan	Menilai dan setuju terima tawaran.
Jawatankuasa Produktiviti Ladang	Memantau prestasi dan pelaksanaan operasi ladang ke arah peningkatan produktiviti.
Jawatankuasa Pengurusan Dividen	Menentukan kaedah-kaedah pengagihan dividen kepada peserta.
Jawatankuasa Pencalonan dan Ganjaran	Menentu dan menyelaras keseluruhan dasar perjawatan dan pembangunan organisasi.

STRUKTUR KORPORAT

FELCRA BERHAD

ANAK-ANAK SYARIKAT

Milikan

- **100%**  FELCRA Plantation Services Sdn. Bhd.
- **100%**  FELCRA Agro Industry Sdn. Bhd.
- **100%**  FELCRA Urus Estet Sdn. Bhd.
- **100%**  FELCRA Cambodia Private Limited
- **100%**  FELCRA Processing & Engineering Sdn. Bhd.
- **100%**  FELCRA Bina Sdn. Bhd.
- **100%**  FELCRA Properties Sdn. Bhd.

- **100%**  Yayasan FELCRA
- **100%**  Permodalan FELCRA Sdn. Bhd.
- **100%**  FELCRA Education Services Sdn. Bhd.
- **100%**  FELCRA Training & Consultancy Sdn. Bhd.
- **100%**  FELCRA Niaga Sdn. Bhd.
- **100%**  FELCRA Bekalan & Perkhidmatan Sdn. Bhd.

PERNIAGAAN UTAMA

-  Perladangan
-  Tanggungjawab Korporat
-  Perkilangan
-  Perdagangan (*Trading*)
-  Pembangunan Hartanah
-  Pendidikan
-  Pelaburan

Usaha Sama

- **92%**  FELCRA Daya Khas Plantation Sdn. Bhd.
- **80%**  FELCRA Balingian Plantation Sdn. Bhd.
- **70%**  FELCRA Ever Herald Sdn. Bhd.
- **70%**  FELCRA Gedong Plantation Sdn. Bhd.
- **70%**  FELCRA Sundar Awat-Awat Plantation Sdn. Bhd.
- **60%**  FELCRA Pelita Jemoreng Sdn. Bhd.

Bersekutu

- **36%**  FELCRA Jayaputra Sdn. Bhd.
- **33.3%**  Sinergi Perdana Sdn. Bhd.
- **30%**  Konsortium Baja Nasional
- **30%**  FELCRA Jaya Mukah Sdn. Bhd.
- **30%**  FELCRA Jaya Samarahan Sdn. Bhd.
- Pelaburan
- **11.5%**  Panji Alam Sdn. Bhd.

BARISAN PENGURUSAN TERTINGGI



Dari arah kiri ke kanan

1. Dato' Ramlee Bin Abu Bakar
Ketua Pegawai Eksekutif
2. Tuan Haji Jahare Bin Abu Bakar
Pengurus Besar Kumpulan Pentadbiran dan Modal Insan
3. Encik Mohd Fauzi Bin Haji Mohd. Tahir
Pengurus Besar Kumpulan Hal Ehwal Peserta
4. Tuan Haji Abd. Muis Bin Damuri
Pengurus Besar Kumpulan Perladangan

Dari arah kiri ke kanan

5. Tuan Haji Ahmad Bin Shaari
Pengurus Besar Kumpulan Hal Ehwal Korporat
6. Dato' Md. Ghazali Bin Abd Karim
Pengurus Besar Kumpulan Kewangan
7. Encik Haridan Bin Saad
Pengurus Besar Kumpulan Kejuruteraan dan Perkilangan
8. Tuan Haji Adnan Bin Yusof
Setiausaha Syarikat


PERLADANGAN

KEDUDUKAN LADANG SAWIT, GETAH DAN PADI MILIK FELCRA BERHAD DAN LADANG USAHA SAMA

SAWIT
32,143.80 HEKTAR

GETAH
1,414.93 HEKTAR

PADI
501 HEKTAR



LADANG SAWIT MILIK FELCRA :

SABAH

- 01. Pertama
- 02. Perdana
- 03. Danum
- 04. Sg. Ruku-ruku
- 05. Sg. Lokan

PERAK

- 06. Changkat Jong

LADANG SAWIT MILIK USAHA SAMA:

SARAWAK

- 07. Balingian
- 08. Sundar Awat-awat
- 09. Gedong
- 10. Dor Klauh
- 11. Jemoreng
- 12. Ever Herald

LADANG GETAH

KEDAH

- 13. Iboi Tiak 11
- 14. Charok Langsung
- 15. Paya Tok Awang
- 16. Sg. Senam 11
- 17. Sg. Senam 111
- 18. Bukit Tampoi 111

KELANTAN

- 19. Air Degong 1B
- 20. Hulu Temiang 2
- 21. Hulu Temiang 1
- 22. Air Degong 1A


LADANG PADI:

PERAK

- 23. Seberang Perak 6

PERLADANGAN

BILANGAN LADANG FELCRA BERHAD MELALUI PROGRAM PEMULIHAN DAN PENYATUAN TANAH TERBIAR



Bilangan ladang yang dimajukan **FELCRA Berhad** mengikut negeri:

PERLIS	11		SELANGOR	43		TERENGGANU	192	
KEDAH	129		NEGERI SEMBILAN	184		KELANTAN	89	
PULAU PINANG	8		MELAKA	63		SARAWAK	96	
PERAK	225		JOHOR	182		SABAH	39	
SEBERANG PERAK	20		PAHANG	302				

JUMLAH
1,593
LADANG

PERLADANGAN

LADANG MILIK FELCRA DAN LADANG USAHA SAMA

Perladangan merupakan aktiviti teras FELCRA Berhad, sesuai dengan visi penubuhannya sebagai estet perladangan terkemuka negara. Komoditi utama perladangan ialah kelapa sawit dan getah dan sebahagian ladang dikhaskan untuk tanaman padi.

Pembangunan ladang FELCRA Berhad dibahagikan kepada dua, iaitu:

- Penerokaan tanah baharu yang diberikan oleh kerajaan bagi tujuan pembangunan ladang; dan
- Penyatuan tanah terbiar di kawasan luar bandar.

Penerokaan Tanah Baharu

Seperti yang dijelaskan di dalam Akta Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (Akta Parlimen No. 22 Tahun 1966), terdapat enam kaedah untuk FELCRA Berhad memulih dan membangunkan tanah, iaitu:

- Tanah-tanah melalui inisiatif sendiri;
- Tanah-tanah kerajaan negeri melalui kelulusan yang diperolehi dari kerajaan negeri;
- Tanah-tanah kerajaan negeri atas

- permintaan kerajaan negeri;
- Mana-mana tanah milik kerajaan negeri (termasuklah tanah-tanah yang dikategorikan sebagai tanah kawasan penempatan berkelompok);
- Tanah-tanah milik persendirian atas permintaan pemilik tanah dan bersetuju dengan syarat-syarat yang telah dipersetujui antara pemilik dan FELCRA Berhad; dan
- Mana-mana tanah yang tidak dinyatakan di atas.

Akta ini secara langsung meletakkan FELCRA Berhad dalam kedudukan yang baik untuk melonjak menjadi salah satu pemain utama perladangan.

Melalui perjanjian dan permintaan di atas, maka wujudlah estet-estet milik FELCRA Berhad dan estet-estet yang dimajukan secara usaha sama.

FELCRA Berhad telah membangunkan estet milik syarikat dan estet usaha sama dengan keluasan melebihi 30,000 hektar dengan kelapa sawit sebagai tanaman utama.

Estet-estet FELCRA Berhad yang dibangunkan terletak di seluruh

Malaysia. Ini menggambarkan kepercayaan kukuh yang diberikan oleh kerajaan persekutuan, kerajaan negeri dan orang persendirian kepada FELCRA Berhad sebagai pelaksana dan penyumbang pembangunan ekonomi negara.

Penambahan estet juga bermakna pertambahan pengeluaran hasil dalam jangka masa panjang. Ini bertepatan dengan salah satu objektif korporat FELCRA Berhad iaitu memberi nilai pulangan tinggi dari ladang-ladang yang dibangunkan.

Pada tahun 2013, jumlah pengeluaran hasil dari ladang-ladang adalah seperti berikut:

Kelapa Sawit	2,375,148 tan metrik
Getah	33,317,873 kilogram
Padi	45,951.95 tan metrik

Melalui perancangan pembukaan ladang secara usaha sama yang lebih terperinci, FELCRA Berhad berupaya membangunkan lebih banyak ladang pada masa hadapan dan pada masa yang sama, meningkatkan lagi pengeluaran komoditi sawit, getah dan padi.

Bagi perancangan masa hadapan, FELCRA Berhad bercadang untuk mengembangkan aktiviti perladangan melalui usaha sama dengan syarikat milik kerajaan negeri, badan-badan NGO, lembaga amanah dan juga syarikat-syarikat swasta yang berminat. Pembangunan ladang ini akan terus mengekalkan kelapa sawit sebagai tanaman utama di samping getah dan padi.

FELCRA Berhad juga sudah bersedia untuk membuka ladangnya di luar negara dan sebagai program perintis, FELCRA Berhad telah memulakan kajian kesesuaian untuk mewujudkan ladang di Kemboja dan ini akan diusahakan melalui anak syarikatnya. Selain daripada ladang milik FELCRA Berhad dan ladang usaha sama, FELCRA Berhad juga terlibat di dalam projek khas perladangan yang diusahakan dalam skala besar.

PERLADANGAN

PROGRAM PEMULIHAN DAN PENYATUAN TANAH TERBIAR

Satu lagi kaedah pembangunan ladang FELCRA Berhad adalah melalui pemulihan dan penyatuan tanah terbiar. Kaedah ini selaras dengan objektif penubuhan awal FELCRA, iaitu membantu meningkatkan pendapatan masyarakat desa, khususnya dalam memajukan tanah-tanah anugerah kerajaan yang semakin kecil saiznya sehingga ianya menjadi tidak ekonomik dan gagal membantu masyarakat desa meningkatkan hasil pengeluaran pertanian. Akibatnya, banyak tanah-tanah desa terbiar dan tidak boleh dimajukan dengan aktiviti-aktiviti pertanian.

Penyatuan Tanah

Objektif utama penyatuan tanah adalah untuk memastikan tanah-tanah yang terlibat dengan aktiviti pertanian menjadi lebih ekonomik. Pendekatan yang dilakukan adalah dengan menyatukan tanah-tanah terbiar yang mempunyai pemilik dan memajukannya secara bersepadu melalui pengurusan FELCRA Berhad.

FELCRA Berhad mengambil inisiatif menyatukan kawasan-kawasan yang ditinggalkan dan menguruskannya

berdasarkan pengalaman yang ada bagi meningkatkan hasil pengeluarannya melalui aktiviti pertanian bersepadu.

Pemulihan Tanah

Pada peringkat awal penubuhan FELCRA diberi peranan memulihkan semula rancangan-rancangan tanah kerajaan yang terbiar sama ada sebahagian atau keseluruhan yang ditinggalkan oleh peserta-peserta pada masa itu.

Setelah pemulihan tanah rancangan berhasil, kegiatan pemulihan tanah tertumpu pula kepada usaha memajukan tanah-tanah terbiar yang terdapat di kawasan luar bandar. Ia bertujuan bagi meningkatkan hasil pendapatan pemilik tanah berkenaan. Ini secara tidak langsung menyumbang kepada pertambahan hasil pertanian negara.

Bagi menjayakan pemulihan tanah-tanah luar bandar yang terbiar, FELCRA Berhad akan membuat kajian ke atas kawasan pertanian berkenaan yang meliputi kajian jangkaan pendapatan bersih bagi

setiap keluarga peserta sekiranya kawasan itu diambilalih bagi tujuan pemulihan. Kajian dan penilaian ini penting kerana FELCRA Berhad akan melakukan kerja-kerja pemulihan dan caj kerja ini akan dibayar oleh peserta dalam bentuk pinjaman oleh FELCRA Berhad. Kutipan balik pinjaman pembangunan dibuat secara beransur-ansur dalam tempoh tertentu setelah kawasan berkenaan mengeluarkan hasil.

Kedudukan para peserta rancangan tanah yang diambilalih oleh FELCRA Berhad tidak berubah. Mereka masih lagi mempunyai hak ke atas tanah masing-masing. Mereka juga diberi keutamaan untuk bekerja di dalam rancangan tanah ini bagi menambah pendapatan, semasa ianya dalam proses pemulihan.

Selain daripada dua kaedah pemulihan tanah yang dilaksanakan oleh FELCRA Berhad, terdapat satu lagi sistem pengurusan yang digunakan yang dikenali sebagai 'sistem saham'.

Sistem saham bertujuan untuk mewujudkan ladang-ladang pertanian secara kolektif dan meningkatkan

daya pengeluaran pekebun-pekebun kecil. Pekebun-pekebun kecil ini akan menjadi pemilik atau pemegang saham ladang, berdasarkan kepada kadar pemilikan tanah masing-masing.

Sebahagian besar ladang ini ditanam dengan kelapa sawit dengan keluasan sebanyak 208,657 hektar (81 %) dan selebihnya ditanam dengan tanaman getah seluas 42,460 hektar (17%) dan lain-lain tanaman seluas 4,235 hektar (2%).

FELCRA Berhad komited dengan usaha memperbaiki taraf ekonomi masyarakat desa melalui program ini dan akan terus mendokong hasrat kerajaan untuk memulihkan tanah tanah yang terbiar.



Matlamat awal penubuhan FELCRA Berhad ialah untuk membangunkan sektor luar bandar dengan membantu masyarakatnya menyertai aktiviti-aktiviti ekonomi negara yang dapat meningkatkan taraf hidup mereka. Ini dilakukan melalui pemberian tanah anugerah oleh kerajaan negeri kepada penduduk.

Namun begitu, pembangunan tidak dapat dijalankan kerana penduduk tidak mempunyai bantuan modal dan tanah tidak diurus secara profesional.

Melalui pembangunan tanah yang berasaskan penyatuan dan pemulihan melibatkan beberapa konsep pembangunan, FELCRA Berhad mengorak langkah pantas memajukan tanah milik peserta.

Maka bermulalah perjalanan FELCRA Berhad membantu kerajaan merapatkan jurang ekonomi di antara masyarakat luar bandar dan bandar.


FELCRA Berhad telah diberikan kepercayaan oleh kerajaan untuk membangunkan tanah bagi tujuan perladangan, melalui penglibatan terus dan juga secara usaha sama.

Perkilangan adalah industri hiran bagi perladangan. Kewujudan kilang sawit FELCRA Berhad bertujuan untuk memproses hasil dari ladang sawit FELCRA Berhad dan minyak sawit mentah yang terhasil akan digunakan untuk pengeluaran produk-produk berasaskan minyak sawit.

Dengan keluasan ladang sawit yang besar, FELCRA Berhad berupaya mewujudkan rangkaian kilang sawitnya sendiri dan ini menghasilkan permintaan dan penawaran yang berkekalan kerana ia saling menyokong di antara satu sama lain.



PERKILANGAN



KILANG SAWIT MILIK FELCRA BERHAD :

- 01. Bukit Kepong, Labis, Johor.
- 02. Nasaruddin, Bota, Perak.
- 03. Maran, Pahang.
- 04. Seberang Perak, Kg. Gajah, Perak.
- 05. Sungai Melikai, Mersing, Johor.

KILANG MILIK ANAK SYARIKAT:

- 06. Bidor, Perak.

KILANG MILIK USAHA SAMA:

- 07. Samarahan, Sarawak.
- 08. Jerantut, Pahang.

Jumlah keseluruhan kilang sawit FELCRA Berhad yang beroperasi pada tahun 2013 adalah sebanyak 8 buah. Lima (5) daripada kilang tersebut adalah milik penuh FELCRA Berhad yang diuruskan secara terus oleh FELCRA Berhad melalui bahagian perkilangan dan sebuah daripadanya diurus oleh anak syarikat. Manakala 2 buah kilang lagi merupakan kilang usaha sama dengan syarikat swasta.

Jumlah pemprosesan Buah Tandan Segar (BTS) bagi semua enam (6) buah kilang milik FELCRA Berhad adalah sebanyak 1,125,150.25 tan metrik dengan pecahan prosesan BTS mengikut ladang adalah seperti berikut :

Ladang	Tan Metrik	%
Ladang dan estet FELCRA Berhad	815,910.97	72.5
Ladang-ladang luar	309,239.28	27.5


Kilang sawit FELCRA Berhad bukan sahaja memproses BTS yang dihasilkan oleh ladang-ladang dan estet peserta milik FELCRA Berhad, malahan pekebun-pekebun kecil dan pembekal-pembekal luar yang berhampiran dengan kilang berkenaan.

Daripada keseluruhan BTS yang diproses, kilang-kilang sawit FELCRA Berhad telah menghasilkan 207,653.37 tan metrik Minyak Sawit Mentah (MSM) dan 57,916.04 tan metrik isirong sawit.

Bagi tahun 2013, FELCRA Berhad menerusi kumpulan perkilangannya telah menggariskan perancangan masa depan dengan memberi tumpuan dalam memperkasakan pendapatan melalui projek-projek penebusgunaan sisa sawit untuk tujuan menghasilkan produk sampingan yang boleh menjana pendapatan tambahan kepada syarikat. Antara yang dirancang untuk dilaksanakan adalah loji *Dried Long Fibre*; kilang pengeluaran *pallet* dari tandan kosong dan loji biogas di semua kilang FELCRA Berhad. Projek-projek sampingan ini dijangka dapat memberi pulangan tambahan sekurang-kurangnya RM5 juta kepada syarikat untuk tahun 2014.



PEMBANGUNAN HARTANAH MASA HADAPAN



- 01 Teluk Yu, Langkawi, Kedah.
- 02 Gerik, Perak.
- 03 Bidor, Perak.
- 04 Jalan Semarak, Kuala Lumpur.

- 05 Sendayan, Labu, Negeri Sembilan.
- 06 Sri Mendapat, Melaka.
- 07 Segamat, Johor.

Pembangunan hartanah adalah satu lagi cabang perniagaan yang berpotensi. Walaupun pelaburannya besar, namun pulangan jangka panjang dapat memberi kesan kepada pendapatan FELCRA Berhad.

Pada tahun 2013, FELCRA Berhad merancang untuk membangunkan hartanah bernilai RM948 juta. Antara pembangunan hartanah yang bakal dilaksanakan oleh FELCRA Berhad adalah:

- 01 Teluk Yu, Langkawi, Kedah
 - Pembangunan pusat peranginan.
- 02 Gerik, Perak
 - Pembangunan bercampur kompleks pejabat, kedai pejabat, perumahan staf dan dewan.
- 03 Bidor, Perak
 - Pembangunan bercampur kompleks pejabat, kedai pejabat, perumahan staf dan dewan.
- 04 Jalan Semarak, Kuala Lumpur
 - Pembangunan menara pejabat FELCRA Berhad.
- 05 Sendayan, Labu, Negeri Sembilan
 - Pembangunan lot perumahan.
- 06 Sri Mendapat, Melaka
 - Perumahan kolej.
- 07 Segamat, Johor
 - Komersil.

Melihat kepada prospek ini, ternyata pembangunan hartanah adalah peluang perniagaan yang baik dan tidak harus dilepaskan begitu sahaja oleh FELCRA Berhad dan langkah untuk melibatkan diri dalam bidang ini adalah satu langkah yang tepat.

PENDIDIKAN DAN LATIHAN



01 KOLEJ FELCRA, SEBERANG PERAK, PERAK.
Bandar Baru Seberang Perak, 36800 Kampung Gajah, Perak Darul Ridzuan.

02 FELCRA TRAINING & CONSULTANCY SDN. BHD.
No. 22, Jalan Rampai Niaga 4, Medan Niaga Rampai, 53300 Kuala Lumpur.

03 PUSAT LATIHAN & REKREASI FELCRA BERHAD TEBING TINGGI, SEGAMAT JOHOR.
D/A Pejabat Pos Jementah, 85200 Jementah, Segamat, Johor Darul Takzim.

‘Pendidikan sepanjang hayat’ adalah falsafah yang tepat dalam menggambarkan komitmen FELCRA Berhad dalam pendidikan dan latihan.

Bermula daripada program latihan kemahiran sehinggalah ke program akademik di peringkat pengajian tinggi. FELCRA Berhad berupaya menggembeng kepakaran kakitangan dan tenaga pakar industri untuk mencapai matlamat memberikan pendidikan, samada vokasional mahupun akademik kepada kumpulan sasaran.

Pendidikan tidak terhenti di situ sahaja. Pembangunan modal insan diteruskan dengan mewujudkan peluang pembelajaran kepada golongan pekerja dan usahawan agar kumpulan ini turut sama meraih ilmu pengetahuan bagi tujuan kemajuan

diri dan perniagaan.

Dua anak syarikat yang terlibat secara aktif dengan pendidikan dan latihan adalah:

FELCRA Training & Consultancy Sdn. Bhd. (FTC) ditubuhkan pada 11 Julai 2002 dengan tujuan utama untuk memberikan pelbagai latihan kemahiran dan khidmat nasihat serta perundingan kepada kumpulan sasaran tertentu. Program latihan yang diberi penekanan adalah:

Program Transformasi Sosial Luar Bandar yang dibangunkan bersama agensi-agensi kerajaan berkaitan dan disokong oleh pakar-pakar industri sebagai sebahagian daripada Program Berimpak Tinggi FTC untuk masyarakat.



Pendidikan dan latihan adalah sepanjang hayat dan menjadi milik semua. Peluang yang diberikan oleh FELCRA Berhad melalui dua anak syarikatnya mestilah direbut oleh generasi baharu peserta dan warga FELCRA Berhad. Pelaburan di dalam pendidikan dan latihan mampu mengubah masa depan.

Program Pembangunan Kemahiran yang dibangunkan bersama-sama rakan kongsi strategik, organisasi latihan bertauliah dan pengalaman individu dari industri yang berkaitan.

Program Korporat Utama yang dibangunkan bersama rakan kongsi strategik yang terdiri daripada organisasi berprestasi tinggi dan individu dari seluruh industri.

Bidang tumpuan latihan adalah merangkumi bidang-bidang berikut:

- Hospitaliti & Pelancongan
- Pertanian & Perladangan
- Kesihatan & Kecantikan
- Mekanikal & Pembuatan
- Fesyen & Tekstil
- Pembangunan Profesional & Sosial
- Kejuruteraan Am
- Teknologi Terkini



Dalam menjayakan aktiviti khidmat nasihat dan perundingan, bidang berikut dikenal pasti sebagai bidang kepakaran FTC:

- Pembangunan Komuniti & Sosial
- Pembangunan Keusahawanan
- Pembangunan Kemahiran Khusus
- Pembangunan Kurikulum
- Pembasmian Kemiskinan
- Program CSR & Kebajikan
- Polisi Sosio-Ekonomi Strategik
- Pengupayaan Wanita
- Kecekapan Perniagaan Kecil & Sederhana
- Model Kerjasama Pihak Berkepentingan & Pelaksanaan

Mendokong inisiatif Pembangunan Modal Insan kerajaan, program-program kemahiran seperti Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK), Program Penambahan Pendapatan (PPP) dan Program Pembangunan Modal Insan (PPMI) adalah beberapa program yang dianjurkan oleh FTC, merentasi pelbagai latar peserta, kemahiran, kerjaya dan negeri yang bertujuan melahirkan modal insan yang berguna kepada agama, bangsa dan negara.

Pada tahun 2013, FTC telah berjaya melahirkan ribuan tenaga kerja dalam

pelbagai bidang yang bukan sahaja berupaya menjadi tenaga kerja mahir, malahan menjadi usahawan berjaya dengan ilmu pengetahuan yang mereka miliki.

Bagi menampung keperluan pembelajaran dan pengajaran, Pusat Latihan & Rekreasi FELCRA Berhad Tebing Tinggi, Segamat, Johor dinaik taraf dengan pelbagai kemudahan latihan dan rekreasi agar peserta merasa selesa dengan persekitaran yang kondusif.

Sesungguhnya FTC telah mentakrif semula urusan pembangunan keupayaan Pendidikan Eksekutif dan latihan Kemahiran Khusus sebagai sebahagian daripada Agenda Sosial Luar Bandar Global dan menjadi rakan kongsi berasaskan nilai serta pembekal perkhidmatan dalam pelbagai aliran inisiatif ekonomi utama.

FELCRA Education Services Sdn Bhd terlibat di dalam penubuhan Kolej FELCRA yang bertujuan memberikan pendidikan akademik kepada anak-anak peserta, staf FELCRA Berhad dan juga terbuka kepada mereka yang berminat menimba ilmu sehingga ke peringkat pengajian tinggi.

Dengan pengambilalihan Pusat Latihan FELCRA Seberang Perak, Perak sebagai kampus induk, Kolej FELCRA berperanan memberikan ilmu pengetahuan berguna kepada kumpulan sasaran dalam bidang pengurusan, pertanian dan perniagaan. Kolej FELCRA dijangka menerima pelajar pertamanya pada bulan September 2014.



HAL EHWAL PESERTA

Selaras dengan misi korporat syarikat yang prihatin dan komited dalam pembangunan modal insan yang telah mendokong kecemerlangan operasi pengkorporatannya sejak tahun 1997, FELCRA Berhad telah melaksanakan pelbagai strategi dan sinergi bagi memantapkan kesejahteraan kualiti hidup masyarakat peserta. FELCRA Berhad telah mengemblem kombinasi sumber kepakaran, tenaga kerja, peralatan, perkhidmatan dan mewujudkan mekanisme secara jitu dari aspek modal, pembiayaan program dan sokongan moral yang dinamik.

PEMERKASAAN WARGA PESERTA

FELCRA Berhad adalah sebuah entiti sosio ekonomi luar bandar yang mendokong aspirasi negara dalam membangunkan rakyat di luar bandar khususnya kepada 103,000 peserta yang menyertai program pembangunan tanah yang disediakan oleh syarikat yang bertujuan mewujudkan masyarakat peserta yang berwibawa, bersyukur dan memperolehi impak maksimum.



Pemeriksaan warga peserta membawa maksud mengukuhkan kedudukan sosio ekonomi peserta melalui pelbagai bantuan dengan harapan meningkatkan kesejahteraan warganya.

Aktiviti Pemerksaan Warga FELCRA

- Majlis Penyerahan Kunci Rumah PPSK
- Aktiviti Keusahawanan Komersil
- Pengeluaran Surat Hak Milik
- Mesyuarat JKPP, KPR dan WADIRA
- Pembinaan Perumahan Generasi Kedua
- Penyerahan Zakat Padi



Kesejahteraan peserta menjadi keutamaan FELCRA Berhad.

MAJLIS PENYERAHAN KUNCI RUMAH PPSK FELCRA BERHAD SRI MAKMUR, PEKAN, PAHANG.

16 FEBRUARI 2013

Obligasi sosial merupakan prasyarat utama dalam perjanjian pengkorporatan FELCRA Berhad dengan kerajaan.

MAJLIS MESRA YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI BERSAMA WARGA PESERTA FELCRA BERHAD NEGERI JOHOR.

29 APRIL 2013



HAL EHWAL PESERTA



Tanggungjawab sosial terhadap masyarakat peserta dan penduduk luar bandar tetap diteruskan.

MAJLIS MESRA RAKYAT YB MENTERI LUAR BANDAR DAN WILAYAH, KUALA BESUT, TERENGGANU.

18 JULAI 2013

Sumbangan berterusan kepada peserta dalam apa jua bentuk.

MAJLIS PENGISYTIHARAN DIVIDEN INTERIM 1/2013.

19 JULAI 2013



Bantuan berterusan untuk semua golongan warga peserta FELCRA Berhad.

MAJLIS PENGISYTIHARAN DIVIDEN INTERIM 2/2013.

20 DISEMBER 2013

PROGRAM NAIK TARAF INFRASTRUKTUR PENGAIRAN SAWAH SEBERANG PERAK, PERAK TENGAH, PERAK



Sistem pengairan adalah komponen penting dalam penanaman padi. FELCRA Berhad turut terlibat di dalam menyediakan kemudahan infrastruktur yang baik dan mencukupi. Program menaik taraf infrastruktur pengairan sawah di Seberang Perak ini adalah bukti komitmen jitu FELCRA Berhad untuk pesertanya.

Pengairan sawah yang betul dan berkesan dapat meningkatkan hasil pengeluaran padi dan ini secara langsung membawa peningkatan kepada pendapatan FELCRA Berhad dan warganya. FELCRA Berhad komited memberikan bantuan pembangunan infrastruktur pengairan, tidak kira di mana ianya diperlukan.



TANGGUNGJAWAB KORPORAT DAN SOSIAL

PROGRAM BANTUAN RUMAH (PBR)

Program Bantuan Rumah (PBR) adalah merupakan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) FELCRA Berhad yang dijalankan dengan menggunakan peruntukan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW), di mana FELCRA Berhad adalah salah satu agensi pelaksana program berkenaan.

Program yang dilaksanakan semenjak tahun 2008 ini bertujuan untuk meningkatkan kualiti hidup keluarga miskin tegar dan miskin dengan membina atau membaik pulih rumah bagi menyediakan tempat kediaman yang lebih selamat dan selesa sebagai asas pertumbuhan sesebuah keluarga. Kumpulan sasaran PBR adalah Ketua Isi Rumah (KIR) miskin tegar dan miskin yang ditentukan berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang telah ditetapkan.

Terdapat dua kategori PBR, iaitu pembinaan rumah baru dan baik

pulih rumah. Kriteria bagi program ini terkandung di dalam **Garis Panduan PBR SPKR (RMKe-10 KKLW) Bil. 1/2012**

Negeri Sabah adalah negeri yang mendapat perhatian khusus daripada program ini dengan sejumlah 123 unit rumah baru telah dibina secara individu dan 2,290 unit rumah telah dibaik pulih, sepanjang tempoh 5 tahun program ini dikendalikan oleh FELCRA Berhad.

Selain itu, terdapat juga pembinaan baru secara berkelompok di negeri Sarawak dengan tumpuan diberikan di Kampung Pulau Seduku, Sri Aman melalui pembinaan rumah, jalan masuk dan parit serta tebatan banjir.

Dari tahun 2008 hingga tahun 2013, jumlah peruntukan yang digunakan untuk projek PBR yang dijalankan oleh FELCRA Berhad bagi ketiga-tiga kategori ini adalah seperti berikut:

Program	Skop Kerja	Peruntukan (RM)
PBR	Bina Baru Berkelompok	102,750,422.00
	Bina Baru Individu	5,766,000.00
	Baik pulih	27,037,160.00
JUMLAH KESELURUHAN		135,553,582.00

Dengan terlaksananya Program Bantuan Rumah ini, masyarakat setempat sudah pasti dapat menjalani kehidupan yang lebih baik, selesa dan ini secara langsung mampu meningkatkan taraf hidup mereka.

FELCRA Berhad berbangga dapat turut serta di dalam program ini, sesuai dengan misi korporat untuk melaksanakan *Corporate Social Responsibility* (CSR) melalui pembangunan ladang-ladang dan aktiviti yang berkaitan dengan lebih efisien dan menguntungkan.



Bina Baru Berkelompok di Kg. Mengkabong, Tuaran, Sabah

TANGGUNGJAWAB KORPORAT DAN SOSIAL

BINA BARU BERKELOMPOK DI KG. MENKABONG, TUARAN, SABAH



Sebelum pembinaan

Perumahan nelayan yang memerlukan bantuan. Tidak teratur, lesu dan suram. Keadaan bakal berubah hasil tanggungjawab sosial FELCRA Berhad.



Sewaktu pembinaan

Bantuan datang bagaikan rahmat. Memberi seribu harapan untuk masa depan yang cemerlang, gemilang dan terbilang.



Selepas pembinaan

Perumahan nelayan dalam suasana yang lebih tersusun, menggambarkan kedamaian, keamanan dan ketenteraman. Perumahan selesai, kehidupan yang lebih baik bakal terbina.

TANGGUNGJAWAB KORPORAT DAN SOSIAL

BINA BARU INDIVIDU DI SEMPORNA, SABAH



Sebelum pembinaan

Tapak dan tanah yang sesuai dipilih untuk membina rumah baru. Lokasi yang sesuai juga menjadi kriteria utama semasa membuat pilihan tempat.



Sewaktu pembinaan

Tempat berteduh yang sempurna dalam pembinaan. Seisi keluarga bakal menikmati bantuan yang diberikan.



Selepas pembinaan

Program ini memberi peluang kepada FELCRA Berhad menyumbang bakti kepada masyarakat khususnya golongan miskin dan membantu menjayakan program kerajaan.

TANGGUNGJAWAB KORPORAT DAN SOSIAL

JALAN PERHUBUNGAN DESA (JPD)



Menaik taraf jalan perhubungan desa merupakan salah satu tanggungjawab sosial FELCRA Berhad. Kesemuanya untuk kesenangan rakyat jelata.

